



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.5(31)

Tarikh : 25 Mac 2025

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PRINSIP PENENTUAN AP58(a) YANG MELIBATKAN BAYARAN KEMUDAHAN
PERUBATAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, Jabatan ini telah mendapatkan maklum balas Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia berkenaan isu bayaran kemudahan perubatan berdasarkan beberapa situasi.

3. Kemudahan perubatan yang diperuntukkan kepada pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Versi 1.0 (2024). Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Penyakit Buah Pinggang adalah berdasarkan syarat - syarat dan peraturan - peraturan umum seperti di Lampiran SR.2.1.1 (D). Pekeliling Perbendaharaan PK 7.15 - Perolehan Kemudahan Perubatan Untuk Pegawai dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan disediakan bagi membolehkan perolehan berkaitan kemudahan perubatan tersebut dapat disegerakan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat dan peraturan dalam MyPPSM.

4. Justeru bersama-sama ini disertakan maklum balas berkenaan prinsip penentuan AP58(a) berdasarkan situasi untuk rujukan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan jua.

Bil.	Situasi	Maklum balas BKP, JANM
1.	Situasi 1: Bekalan/Perkhidmatan Melalui Pesanan Kerajaan Tarikh Bil/Invois : 31.12.2024 Tarikh Pengesahan Pegawai (Borang 1/09) : 31.12.2024 Tarikh Pengesahan Ketua Jabatan (Borang 1/09) : 31.12.2024	Selaras dengan SPANM Bil 5/2023 Lampiran C4 Peranggan 1.1 - Bekalan/Perkhidmatan melalui Pesanan Kerajaan (PO) Tarikh GRN : 31.12.2024 Tarikh Bil/Invois : 31.12.2024 Tarikh Surat Kelulusan Ketua Jabatan: 06.01.2025

Bil.	Situasi	Maklum balas BKP, JANM
	Tarikh Surat Kelulusan Ketua Jabatan : 06.01.2025 Tarikh GRN : 31.12.2024 Pesanan Kerajaan dikeluarkan kepada pembekal pada Disember 2024 bagi perkhidmatan hemodialisis bulan Disember 2024. PK tersebut telah dibatalkan pada Disember 2024. Tarikh GRN adalah pada 31.12.2024 dan bayaran disempurnakan pada Januari 2025.	Tarikh Bil/Invois: Tahun 2024 Bayaran Disempurnakan: Tahun 2025 Prinsip: Bekalan / Perkhidmatan disempurnakan pada 2024. Pembayaran adalah tertakluk kepada AP58(a). Selaras dengan SPANM Bil 7 Tahun 2024 – Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2024, bagi FRN/GRN berstatus 80 yang melibatkan <u>Vot/ Dana (termasuk amanah) selain <u>Vot Pembangunan</u> boleh dibayar di tahun hadapan menggunakan Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan. Bagi Vot Mengurus, bayaran adalah tertakluk di bawah AP58(a).</u>
2.	Situasi 2: Bekalan/Perkhidmatan Tanpa Melalui Pesanan Kerajaan Tarikh Bil/Invois: 31.12.2024 Tarikh Pengesahan Pegawai (Borang 1/09) : 31.12.2024 Tarikh Pengesahan Ketua Jabatan (Borang 1/09) : 31.12.2024 Tarikh Surat Kelulusan Ketua Jabatan : 06.01.2025 Bayaran perkhidmatan kepada pembekal Tanpa Pesanan Kerajaan (Modul K2) pada bulan Januari 2025 bagi perkhidmatan hemodialisis bulan Disember 2024.	Selaras dengan SPANM Bil 5/2023 Lampiran C4 Perenggan 2.1 – Bekalan/Perkhidmatan Tanpa Pesanan Kerajaan (PO) Tarikh Bil/Invois: 31.12.2024 Bekalan/ Perkhidmatan disempurnakan pada 2024 Prinsip: Tarikh Bil/Invois adalah 2024 Pembayaran adalah tertakluk kepada AP58(a).
3.	Situasi 3: Tuntutan Bayaran Balik Rawatan Perubatan Tarikh Bil/Invois: 31.12.2024 Tarikh Pengesahan Pegawai (Borang 1/09) : 31.12.2024 Tarikh Pengesahan Ketua Jabatan (Borang 1/09) : 31.12.2024 Tarikh Surat Kelulusan Ketua Jabatan : 06.01.2025 Tarikh pembayaran oleh pegawai kepada pembekal : 31.12.2024 Bayaran balik disempurnakan kepada pegawai pada bulan Januari 2025 bagi perkhidmatan hemodialisis bulan Disember 2024.	Selaras dengan SPANM Bil 5/2023 Lampiran C4 Perenggan 8.1 – Tuntutan Bayaran Balik Tarikh Surat Kelulusan Ketua Jabatan : 06.01.2025 Bayaran Disempurnakan: Tahun 2025 Prinsip: Kelulusan Ketua Jabatan/Pegawai Diberi Kuasa Pembayaran adalah tidak tertakluk kepada AP58(a)

5. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi peraturan ini amatlah diharapkan bagi memastikan prosedur kewangan adalah teratur berdasarkan tatacara semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang